

Membumikan Kaunseling Rabbani

Puan Norlida

Smartop Global & Services, Perlis, Malaysia | ✉ tawanhatianak@gmail.com

Abstract

Kaunseling Rabbani adalah istilah baru digunakan semata-mata untuk memenangkan Deen Allah dengan mendaulatkan Kaunseling/ Tarbiyah Rabbani di abad 21 ini. Istilah ini wajar dimanfaatkan untuk mewujudkan kembali 'Khaira ummah,' model masyarakat yang difirmankan Allah Subhanahu wa Taala dalam surah Ali-Imran ayat 110. Bagaimana proses melahirkan Khaira ummah itu dilakukan? Menggunakan 'sibghatallah' (acuan Allah), Rasulullah SAW mulakan dengan mensejahterakan jiwa 'qalibun salim' dalam diri baginda terlebih dahulu. Kemudian mewujudkan 'usrah hakiki' terdiri daripada ahli keluarga baginda. Ramai rijal ummah (kaunselor Rabbani) dilahirkan melalui proses Kaunseling Rabbani ini hingga Islam tersebar ke seluruh pelusuk dunia melalui perjuangan dan pengorbanan mereka membebaskan manusia dari perhambaan kepada hawa nafsu dan perhambaan sesama manusia kepada perhambaan hanya kepada Allah Subhanahu wa Taala semata-mata. Inilah hakikat kemerdekaan sebenarnya melahirkan generasi Rabbani menTAUHIDkan Allah dalam segenap kehidupan mereka tanpa mengabaikan kemajuan fizikal untuk memakmurkan alam ini.

Keywords: Kaunseling Rabbani, Khaira Ummah, Sibghatallah, Usrah Hakiki / Haraki dan Kemerdekaan sebenarnya.

How to Cite: Puan Norlida Bte Md. Top. (2017). Membumikan Kaunseling Rabbani. In Ifdil & Krishnawati Naniek (Eds.), *International Conference: 1st ASEAN School Counselor Conference on Inovation and Creativity in Counseling* (pp. 162-172). Yogyakarta: IBKS Publishing.

© 2017. This is an open access article distributed under the Creative Commons Attribution License, which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited.

Pengenalan

Membumikan Kaunseling Rabbani perlu disegerakan semata-mata untuk memenangkan 'Deen Allah' yang kini dihalang untuk memimpin ummah. Keadaan ini berlaku sejak seluruh Nusantara dijajah oleh musuh-musuh Islam (Yahudi, Majusi dan Nasrani) di mana kuasa raja-raja Melayu dibataskan hanya mentadbir bidang keagamaan mengikut acuan barat manakala pentadbiran negeri dikuasai oleh Residen Kaunselor atau BA (British Adviser). Sejak itu kalimah 'Kaunselor' digunakan dalam usaha untuk memadamkan 'Deen Allah' dari jiwa dan pemikiran umat Islam. Hasilnya, perlembagaan ciptaan manusia diguna pakai hingga kini. Sejak runtuhnya kerajaan Islam Turki Uthmaniyah sekitar tahun 1922-1924, seluruh Negara di bawah naungannya telah jatuh ke tangan

musuh-musuh Islam. Sedangkan sebelum ini (sejak Rasulullah SAW mengetuai kerajaan Islam di Kota Madinah) lebih 1300 tahun kerajaan Islam telah menjadi rahmat kepada seluruh alam ini dengan menjadikan Al-Qur'an sebagai Perlembagaan hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

Islam mula menapak di Nusantara sekitar kurun ke-11 menerusi Sumatra apabila Raja Pasai memeluk agama Islam. Penyebaran awal Islam di Nusantara dilakukan pedagang-pedagang Arab, Cina, India dan Parsi. Selepas itu, proses penyebaran Islam dilakukan oleh kerajaan-kerajaan Islam Nusantara melalui perkahwinan, perdagangan tempatan dan peperangan. Pada kurun ke-14, Kesultanan Melaka berkembang menjadi pusat penyebaran Islam di Nusantara. Kerajaan kesultanan Melayu Melaka (1409-1511) pernah menjadi kuasa besar selama lebih 100 tahun kerana menyakini Islam sebagai satu sistem yang lengkap, menyeluruh dan bersepadu memerintah seluruh aspek kehidupan. Mereka amat menyakini firman Allah di antaranya yang bermaksud;

"Sesungguhnya 'Deen' (yang diredhai) di sisi Allah, hanyalah Islam..."
(Surah Ali -Imran:19).

Tahun 1451-1481, Kerajaan Turki Uthmaniyah dipimpin oleh Sultan Muhamad Al Fateh. 1477-1488, Seluruh Nusantara berada di bawah naungannya. Para pemimpin umat ketika itu terbimbing dan amat sukses mengkaunseling diri dan mengajak serta mengkaunseling rakyat jelata menghargai dan menghayati Deen Allah sebagai satu sistem yang lengkap hingga mereka menjadi umat yang bertaqwa. Pertolongan Allah sentiasa dekat dengan orang-orang bertaqwa. Merekalah orang yang beruntung/ berjaya di dunia dan akhirat.

Sejak jatuhnya khilafah Islamiyah, umat Islam menjadi hina di mata dunia kerana hanya berpeluang menghayati Islam secara serpihan dan bukan sebagai satu sistem hidup yang lengkap. Menyeluruh dan bersepadu. Firman Allah Subhanahu wa Taala yang bermaksud:

"Dan barangsiapa yang mencari Deen selain Deen Islam, dia tidak akan diterima dan di akhirat dia termasuk dalam golongan orang yang rugi"

(Surah Ali-Imran ayat: 85)


Islam sebagai Ad-Deen merupakan sistem hidup yang serasi dengan fitrah semula jadi manusia di mana setiap insan yang dilahirkan telah dibekalkan fitrah untuk mentauhidkan Allah Subhanahu wa Taala, menjadi pengabdian yang taat serta bersedia menjadi khalifah-Nya untuk memakmurkan alam. Sayang sekali apabila mereka mempersendakan Deen Islam, maka telah menghalang mendapat keberkatan dari Allah, justeru itu umat Islam diganyang hingga kini lebih-lebih lagi sejak kaum Yahudi mendabik dada menguasai dunia. Mungkar berleluasa dianggap sebagai maaruf sebaliknya maaruf dianggap sebagai mungkar kerana manusia bertuhankan hawa nafsu dan mengabdikan kepada selain Allah. Ramai umat Islam tidak solat dan tidak mematuhi ajaran Islam. Maka yakinilah, Insya Allah dengan membumikan Kaunseling Rabbani, tarbiyah madrasah Rasulullah Sallahu alaihi wassallam akan dapat disebarluaskan sebagai perisai mengelakkan lebih ramai umat Islam tergelincir atau terpesong dari landasan Islam. Musuh-musuh Islam tidak akan berhenti memerangi Islam dengan pelbagai cara seperti firman Allah Subhanahu wa Taala yang bermaksud:

"...Mereka tidak henti-hentinya memerangi kamu sampai mereka (dapat) mengembalikan kamu dari 'deen' mu (kepada kekafiran), seandainya mereka mampu"

(Surah Al-Baqarah: 217)

Pada tahun 1511, Portugis menawan Melaka. Setelah kejatuhan Melaka, pusat penyebaran Islam beralih ke Kesultanan Aceh di Sumatera. Pada lewat kurun ke-15 hingga kini, musuh-musuh Islam bukan sahaja menindas dan menzalimi umat Islam di Gaza, Suriah, Rohingya dan seluruh pelusuk dunia secara fizikal, bahkan memperdaya umat Islam melalui 'ghazwatul fikr'. Perang pemikiran dan perang IT (teknologi maklumat) kini amat rancak berlaku antara Islam dan musuh-musuh Islam. Hal ini sudah mereka rancang dengan teliti dan serapi-rapinya sebelum Perang Salib lagi. Bekas Perdana Menteri British pada zaman Queen Victoria (1809-1898) bernama William Ewart Gladstone pernah membawa al-Qur'an di dalam Parlimen British. Sambil mengangkat Al-Qur'an ditunjukkan kepada para menteri seraya berkata "Selagi mereka (umat Islam) berpegang kepada kitab ini, selama itulah mereka bangkit dan kita tidak dapat menundukkan mereka. Oleh itu pisahkan mereka daripada kitab ini (al-Qur'an)". Sumber: <https://muslimcircle.wordpress.com/2010/04/10/mereka-dan-al-quran/>

Sigmund Freud (1856-1939) dan para pendukung ideologinya hingga sekarang telah berjaya menyebarkan pengaruh pemikirannya dalam bidang psikologi khususnya meletakkan asas-asas materialisme dan atheisme di dalamnya. Justeru itu dalam psikologi moden, 'Deen' sudah tidak penting, malah dianggap sebagai suatu khayalan. Profesor Muhammad Qutb menyatakan mereka merosakkan umat melalui sistem pendidikan dan psikologi. Hingga kini ramai cendekiawan walaupun beragama Islam tertipu kerana lebih berfokus kepada matlamat dunia, melupakan akhirat dan mengagung-agungkan ilmu Barat berbanding dengan ilmu Islam yang telah lama menyelamatkan akidah sejak dahulu, kini dan selamanya. Justeru itu dapatlah dikenalpasti bahawa manusia itu bermasalah apabila tidak mentauhidkan Allah.



Carta aliran 1: Punca Manusia Bermasalah

Methodologi Kaunseling Rabbani

Kaunseling Rabbani atau Tarbiyah Rabbani merupakan proses pemberian pengertian hidup atau memaknai kehidupan seseorang yang sedang mengalami keliruan dan kehilangan hala tuju kehidupan. Proses itu berlaku semasa komunikasi atau pertemuan secara individu atau 'dakwah fardhiyah' mahupun melalui kelompok (usrah/ halaqah). Kaunseling Rabbani dengan izin Allah dapat membebaskan seseorang itu daripada belunggu zahir dan bathin sehingga ia sedar diri tentang hakikat kewujudan Allah sebagai Rabb dan dirinya sebagai hamba Allah dan khalifah Allah di muka bumi ini. Kehidupannya perlu diselaraskan dengan ketentuan-ketentuan dan petunjuk Allah Subhanahu wa Taala. Apabila sudah masuk 'track' (landasan) syariat baharulah dirinya terbimbing

untuk menyusun visi dan misi serta aktiviti yang selari dengan syariat untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat dengan hidayah dan taufik dari Allah Subhanahu wa Taala jua.

Proses Kaunseling Rabbani berfungsi untuk membangkitkan kekuatan getaran 'qalbu' atau keimanan di dalam jiwa seseorang untuk mendorong serta mempermudah dirinya berasa selesa dan rela ketika berhadapan dengan sebarang ujian kehidupan bahkan redha serta pasrah menerima apa sahaja takdir Allah Subhanahu wa Taala. Prinsip menolong itu berpaksi kepada 'manhaj' (sistem) Rabbani disebut (acuan Allah) boleh dilaksanakan melalui usrah atau halaqah dan pelbagai wasilah seperti 'ijtima', daurah, ziarah, jaulah, rehlah, mukhayyam (kem) dan pelbagai aktiviti tarbawi yang menarik generasi pewaris kita. Dalam setiap aktiviti perlu kita bekalkan mereka pelbagai langkah membina iman dan taqwa, contohnya seperti berikut:

1. Teknik membetul dan meluruskan niat di *qalbu*,
2. Teknik pengukuhan *qalbu*, merawat dan memulihkannya
3. Teknik mengawal emosi dengan iman
4. Teknik kemahiran berfikir tentang Islam sebagai satu sistem yang lengkap
5. Teknik mencari alternatif dan keputusan agar semua pilihan menjadi ibadah yang diredhai Allah,
6. Teknik beribadah dan bertindak mengikut syariat Allah.
7. Teknik menjaga maruah seperti ikhtilat (pergaulan) dalam Islam



Methodologi Kaunseling Rabbani

Visi Kaunseling Rabbani

Membina 'Khaira ummah' (Ummah terbaik) hingga merubah peradaban di dunia sekaligus mendapat syurga di akhirat nanti. Doa berikut sungguh indah jika dihafal sebagai pengukuhan visi;

رَبِّ ابْنِ لِي عِنْدَكَ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ

"Ya Tuhanku, bangunlah untukku sebuah rumah di sisi-Mu dalam syurga"

(Surah At-Tahrim, ayat 11)

Pentingnya visi ini kerana kini penyimpangan akidah, ketidak sahan ibadah dan kegawatan akhlak menjadi tanda aras, sensitif dan rasa tidak selamat di kalangan pencinta kebenaran dan keadilan. Kemajuan kebendaan dan perkembangan ilmu yang dibawa oleh tamadun Barat mengikut logik akal semata-mata tidak mampu meyakini alam ghaib, khususnya alam Akhirat. Sebaliknya peradaban kebendaan yang belum berusia 100 tahun telah menghasilkan kepincangan dan

keruntuhan moral yang amat serius. Tanpa Islam, dunia mengalami zaman kegelapan dan kehidupan jahiliyah kembali berleluasa. Maka berusaha kita semaksimalnya berbekalkan keyakinan dan pandangan positif untuk memperbaiki keadaan seperti kata Profesor Doktor Yusof Qardhawi,

"Islam telah mengajar kepadaku untuk menyalakan pelita dan tidak dengan asyik mengutuk kegelapan. Tanggungjawab kita semua menjelaskan kebenaran dan bukan dengan asyik mencaci maki kebatilan"

Dalam kaunseling konvensional, telah ada proses menyeru kebaikan dengan pelbagai teknik dan teori yang boleh kita manfaatkan untuk ummah selagi teknik itu tidak menyalahi dengan tuntutan syara. Semua ilmu dan kemahiran itu adalah hikmah yang hilang menjadi milik umat Islam. Semua ilmu adalah milik Allah Subhanahu wa Taala.

Di antara proses menolong yang sering dilakukan oleh kaunselor seluruh dunia adalah kaunseling individu dan kaunseling kelompok. Dari mana idea ini mereka perolehi? Dalam Islam, kaunseling individu disebut sebagai 'dakwah fardhiyah' manakala kaunseling kelompok atau mentor mentee telah diamalkan sejak selepas kenabian Rasulullah SAW melalui 'Usrah hakiki' (bersama ahli keluarga) dan 'Usrah Haraki' (bersama masyarakat) untuk melahirkan masyarakat atau generasi Rabbani. Menurut Imam As Syahid Hasan al-Banna generasi Rabbani adalah "peribadi yang membentuk diri agar menjadi insan kamil yang mempunyai aqidah sejahtera, ibadah yang sahih, akhlak yang mantap, fikiran yang berasaskan ilmu, tubuh yang kuat, hidup yang berdikari, diri yang berjihad, masa yang dihargai, tugas yang tersusun dan sentiasa memberi manfaat kepada orang lain."

**Perbandingan Kaunseling Rabbani
Dengan Kaunseling Konvensional**

	Kaunseling Rabbani	Kaunseling Konvensional
Fokus	Makrifatullah (Mengenal Allah)	Menyelesaikan Masalah
Visi	Keredhaan Allah/ Syurga	Keredhaan Manusia/ Kemewahan
Misi	Ibadah (Ubudiyah)	Kesenangan Dunia semata-mata Ekonomi menjadi fokus utama
Sumber Rujukan	Al-Qur'an , Hadis dan Ijma' ulamak	Pelbagai teori ciptaan manusia
Sasaran	'Qalbu' yang Taqwa sebagai raja Kerajaan Nafsu, akal sebagai penasihat.	Akal sebagai wira dan sumber segala kecerdasan. Qalbu sakit & mati Jika Akal tidak berfungsi, Hawa nafsu bermaharajalela

Proses keilmuan	Integrated (Bersepadu), Akidah merentas kurikulum	Semua ilmu terpisah dari 'Deen'
Motivasi kerjaya	Ke arah Menjana Khaira Ummah (Ummah Terbaik) dan Peradaban berpaksikan Tauhid~ Semua jenis Kerjaya menjadi ibadah	Membina peradaban material (kebendaan) dan kemajuan fizikal ekonomi sekadar mencari rezeki
Khudwah Hasanah	Rasulullah SAW dan semua orang beriman yang ikhlas mengamalkan ilmunya	Pencipta teori yang kebanyakannya indah dalam buku tetapi bukan di dunia kenyataan

Misi Kaunseling Rabbani

Ibadah adalah misi utama kita, terkandung dalam surah Az-Zariyat:56, firman Allah yang bermaksud; "Tidak Aku jadikan jin dan manusia kecuali untuk menyembah-Ku". Ibadah adalah pilihan kita, hasil mujahadah memproses jiwa dengan sistem Tarbiyah Islam yang lengkap, menyeluruh dan bersepadu. Misi kaunselor Rabbani meliputi tanggung jawab untuk menjaga 5 perkara berikut:

- Ñ Deen Islam
- Ñ 'qalbu' / Jiwa
- Ñ Aqal
- Ñ Harta benda
- Ñ Kehormatan/ Keturunan

Kunci sistem hidup umat Islam adalah kalimah Tauhid dan kalimah risalah iaitu

لا إله إلا الله محمد رسول الله

Kedua-dua kalimah ini merupakan rukun Islam yang pertama disebut sepenuhnya

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ

"Aku bersaksi tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan aku bersaksi sesungguhnya Muhammad adalah pesuruh Allah."

Syahadat atau perjanjian pertama **إِلَهَ** **أَشْهَدُ** disebut sebagai Syahadat Tauhid manakala syahadat yang kedua, **وَأَشْهَدُ** disebut sebagai Syahadat Risalah. Jika seseorang hanya mengucap syahadat pertama, tetapi enggan mengucap syahadat kedua, maka dia belum layak dikatakan muslim atau muslimat. Kedua-dua kalimah suci ini merupakan benih tauhid yang perlu disemai, ditanam, dipasak dan disuburkan seiring sejalan untuk mengukuhkan jiwa sejahtera 'qalibun salim' dan menjadi pembenteng yang mencegah daripada kerosakan akidah, ibadah dan akhlak jika dihayati dengan penuh kesedaran dan kefahaman. Kewajipan ini diikuti dengan sentiasa memperbaharui 6 Rukun Iman dan melaksanakan 5 Rukun Islam sekhyusuknya.

Konsep ibadah dalam Islam sangat luas, termasuklah seluruh aktiviti samada hubungan dengan Allah (hablumminallah) mahupun sesama makhluk atau manusia (hablu minannas) seperti menjaga silaturahim dan menyuburkan ukhuwwahfillah. Di samping mengharap agar Islam memimpin bumi ini, konsep yang berkaitan erat dengan ibadah adalah konsep istikhlaf (sebagai penguasa bumi

mengajak manusia mentauhidkan Allah) dan isti'imar (membangun peradaban kebendaan di muka bumi). Kedua-duanya merupakan agenda penting dari misi Kaunselor Rabbani di dunia. Segala aktiviti seharian sebenarnya boleh di'transfer'kan menjadi ibadah dan memberikan ganjaran pahala jika dilaksanakan dengan niat kerana Allah dan ingin mewarisi sunnah Rasulullah Sallahu alaihi wassallam. Tanpa niat kerana Allah dan tidak ikut sunnah Rasulullah Sallahu alaihi wassallam, maka ia sekadar menjadi adat dan rutin semata-mata.

Ibadah ini merupakan hadiah istimewa dari Allah Subhanahu wa Taala untuk para hamba-Nya yang beriman dan inilah tujuan utama manusia diciptakan. Dengan kata lain, para kaunselor Rabbani wajib menyerah diri kepada Allah Subhanahu wa Taala tanpa soal bagi memudahkan pelaksanaan misinya di dunia dengan sebaik-baiknya bahkan dengan keikhlasan beribadah jiwa akan sentiasa rasa bahagia, seronok melaksanakan semua aktiviti di dunia sepanjang masa. Keikhlasan ini melahirkan perasaan, pemikiran dan tindakan positif, apabila tersemai di 'qalbu' terdalam dengan akar Tauhid yang mencengkam dengan kemas dan kukuh. Semuanya akan bernilai ibadah di sisi Allah Subhanahu wa Taala dari sekecil-kecil aktiviti seperti tidur, qadha hajat, makan minum, sesi kaunseling individu mahupun kelompok hinggalah belajar dan bekerja untuk membangunkan 'khaira ummah' dan peradaban di dunia. Jika konsep ibadah ini dapat dilaksanakan maka kaunselor Rabbani sudah berjaya menjalankan misinya.

Model masyarakat yang memiliki amalan terbaik dalam mensejahtera dan mengharmonikan masyarakat hanyalah 'khaira ummah' yang hanya sekali disebut di dalam Al-Qur'an. Firman Allah dalam surah Ali-Imran ayat 110 yang bermaksud;

"Kamu adalah 'khaira ummah' yang dilahirkan untuk manusia, (kerana) kamu menyeru maaruf (menyuruh berbuat segala perkara yang baik) mencegah mungkar (melarang daripada segala perkara yang salah, buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)..."

Dr Mustafa Umar mengulaskan bahawa "kuntum khaira ummah" memang telah ditetapkan oleh Allah ditujukan kepada semua umat Muhammad Sallahu alaihi wassallam. Pembahasannya ada kaitannya dengan perkara yang telah lalu, "kamu sebagai umat terbaik" memang telah ditetapkan oleh Allah sejak zaman dahulu lagi, maka kini, tampilkanlah diri kamu sekarang untuk membenarkan apa yang telah Allah tetapkan. Kita membangunkan umat terbaik di atas keyakinan dan bukan dengan angan-angan. Kita perlu membangun ummah terbaik untuk membuktikan kebenaran Allah Subhanahu wa Taala. Jadi adalah salah jika kita masih mempersoalkan 'adakah mungkin kita adalah umat yang terbaik?' Kenapa? Sebab kita masih ragu-ragu bahawa kita adalah umat terbaik, sedangkan Allah sudah menetapkan 'kuntum khaira ummah' sejak dahulu, hanya kamu belum melayakkan diri hingga hari ini sebagai umat terbaik hingga mampu memimpin dunia, sebab kamu belum lagi menyeru orang berbuat baik, belum lagi melarang orang melakukan kemungkaran dan belum lagi beriman kepada Allah dengan iman yang sempurna. Jadi ayat ini membangunkan keyakinan bahawa kita adalah umat yang terbaik. Kenapa ayat ini meletakkan "dan kamu beriman kepada Allah" di belakang amar maaruf nahi mungkar? Sebab ini untuk memotivasi agar kita istiqomah bersabar tingkatkan ketaqwaan, berdakwah dan terus menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran tanpa jemu untuk menambah dan mengukuhkan keimanan. (sila rujuk You tube berikut <https://www.youtube.com/watch?v=32y0JOzFxi4>)

Islah (Perbaiki) Diri

Metode 'Islah' (perbaiki diri) perlu bermula doa "Ya Allah kurniakan kami semua kefahaman mendalam tentang Deen-MU dan ajarilah kami tentang takwil Al-Qur'an"

Diikuti dengan jihad mencari dan mengamalkan Deen Islam 100% dalam kehidupan secara bertahap-tahap. Firman Allah;

يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ

Maksudnya

“...yang membacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menyucikan (jiwa) mereka dan mengajarkan kepada mereka Kitab dan Hikmah (As Sunnah), meskipun sebelumnya, mereka benar-benar dalam kesesatan yang nyata,”

Melalui proses belajar membaca ayat-ayat Qur'an dapat menyucikan jiwa mereka dari segala unsur syirik, mendorong mereka berakhlak mulia dan mencegah mereka dari akhlak yang buruk. Ajaran Rasulullah kepada mereka adalah nikmat yang paling besar dan paling agung yang dikurniakan Allah kepada mereka. Ayat ini merupakan dasar dan titik bertolak berlakunya proses kaunseling Rabbani disebut sebagai 'dakwah tashfiyah wa tarbiyah' (membersihkan umat dari segala unsur yang bukan dari Islam dan mengamalkan ajaran Islam yang murni).

Proses seterusnya setelah ta'lim (pengajaran) dan pembersihan ini para kaunselor Rabbani menjadi manusia yang berilmu, bahkan menjadi imam dalam ilmu dan 'deen', baik akhlaknya, paling baik petunjuk dan jalannya. Di samping itu, mereka juga dijadikan standar yang benar oleh Rasulullah shallallahu alaihi wa sallam dalam berislam ketika terjadi perselisihan di zaman setelah baginda sebagaimana sabdanya:

فَأَيُّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ فَسَيَرَىٰ اخْتِلَافًا كَثِيرًا. فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ عَضُوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ، وَإِيَّ

Maksudnya; “Kerana barang siapa yang hidup di antara kamu (setelah ini), maka ia akan menyaksikan banyaknya perselisihan. Hendaklah kamu berpegang teguh dengan sunnahku dan sunnah Khulafaurrasyidin untuk mendapatkan petunjuk, gigitlah (genggamlah dengan kuat) dengan geraham, dan jauhilah perkara yang diada-adakan, kerana semua perkara bid'ah adalah sesat.” (HR. Abu Dawud dan Tirmidzi, dia berkata, "Hasan shahih.")

Dalam masa yang sama mereka mendirikan solat seklusyunya sekaligus telah mengukuhkan tiang 'Deen' sebagai simbol kejayaan di dunia dan akhirat. “Perbaiki diri dan ajaklah orang lain” merupakan amar maaruf yang menjayakan visi dan misi di atas. Biasanya hendak meningkatkan prestasi diri dan kualiti iman, amatlah payah tetapi jika bermalas-malasan dan menyimpang dari acuan Allah adalah sesuatu yang amat mudah. Peningkatan ke makam yang lebih mulia perlukan alat mendidik hawa nafsu yang lebih kukuh kerana hawa nafsulah yang membuat insan jatuh nilainya malah merudum menjadi lebih rendah dari haiwan ternak. Hawa nafsu adalah sebahagian dari fitrah kejadian insan yang perlu dikawal.

Imam al Ghazali memperkenalkan Kerajaan Nafs dan teknik pengukuhan jiwa dan rawatannya jika jiwa mengalami kerosakan atau kesakitan (qalibun maridh) atau jiwa mati (qalibun maiyyit). Qalbu diibaratkan sebagai raja, akal adalah wazir (penasihat) manakala segala panca indera dan kaki tangan adalah rakyat yang hanya patuh kepada arahan Raja. Tidak ketinggalan dalam kerajaan nafs adalah watak 'budak nakal' iaitu hawa nafsu. Budak nakal ini akan bermaharaja lela menguasai kerajaan nafs jika qalbu tidak kenal atau cinta kepada Allah lanjutan dari akal yang tidak menjalankan fungsinya sebagai penasihat. Hawa nafsu perlu dididik dan ditundukkan oleh polis kerajaan nafs, juga merupakan senjata unggul yang mampu meningkatkan prestasi kerajaan nafs. Apakah alat yang Imam Ghazali anggap sebagai polis dalam Kerajaan Nafs kita? Kuat atau lemahnya kerajaan nafs bergantung kepada kualiti iman yang bertakhta di qalbu.

Jika kukuh iman maka nafsu yang serakah, degil dan liar dapat dijinakkan hingga tunduk jadi hamba kepada Allah Subhanahu wa Taala. Hawa nafsu itu umpama kuda yang liar, begitu liar dan merbahaya untuk ditunggangi, tetapi bila kita ada kemahiran dan tahu kaedah atau jalan menjinakkannya maka jadilah ia bak kuda jinak yang taat kepada tuannya. Iman adalah masdar (pemancar) utama mempermudah urusan mengislah diri dan membawa perubahan dalam kehidupan. Begitulah usaha jihad melawan hawa nafsu untuk meningkatkan taraf mulia insan di sisi Allah Subhanahu wa Taala hanya akan berjaya dengan adanya iman sebagai penjaga keamanan dalam kerajaan Nafs.

Rasulullah Sallahu alaihi wassallam dan generasi al-Qur'an pertama di bawah didikan baginda amat terhibur dan dapat merasai kemanisan iman apabila berpeluang tingkatan kesabaran berdakwah dengan masyarakat Arab Makkah yang keras dengan kedegilannya. Baginda dan para sahabat terpaksa berhijrah ke Yathrib, berkorban jiwa raga, tenaga, waktu serta harta-benda di jalan Allah Subhanahu wa Taala sehinggalah mereka mencapai taraf yang mulia di sisi-Nya. Mereka me'waqaf'kan diri masing-masing untuk memenangkan Deen Allah Subhanahu wa Taala. Walaupun pada zahirnya seperti tersiksa, namun hidup mereka amat bahagia di dalam keredhaan Allah Subhanahu wa Taala hingga dipermudahkan Allah mendirikan Negara Islam pertama di Kota Madinah. Sebelum kewafatan baginda, berlaku Fathul Makkah, di mana kota Makkah dibebaskan dari sembah berhala tanpa sebarang pertumpahan darah. Berbondong-bondong manusia memeluk Islam selepas itu.

Siapa sahaja yang berjaya mengislah diri dengan niat untuk meningkat kualiti iman, ibadah yang khusyuk dan darjat ketaqwaannya di sisi Allah Subhanahu wa Taala akan mendapat hidayah dan taufiq-Nya di atas pengorbanan itu maka akan lancarlah keberkahan peningkatannya. Sebaliknya jika ada terselit niat kepentingan diri dan dunia dengan matlamat '3 ta' (harta, takhta dan wanita), maka akan lambatlah proses perubahan kerana masih ada ciri kemunafikan dalam dirinya. Selalu muhasabah diri mohon hidayah dan taufiq dari Allah serta jadikan istighfar dan taubat Nasuha sebagai agenda utama dalam kehidupan agar mendapat keampunan dari Allah Subhanahu wa Taala.

Setelah bertaubat seikhlasnya, segala pintu maksiat akan tertutup salam jiwanya. Sebaliknya cinta Allah mulai bersemi dan mempermudah proses menghayati amalan terbaik dalam kesejahteraan diri, keluarga dan keharmonian masyarakat. Roh dalam jasad yang sebelum ini gersang, mulai kenyang menfapat makanan dari wahyu Allah SWT. Mengambil semula 100% sumber muktabar ini merupakan pecutan yang akan menyegerakan proses membumikan kaunseling Rabbani untuk mengajak mereka sentiasa mentauhidkan Allah SWT. Ikut sahaja segala jejak langkah Rasulullah SAW dengan memperbaiki diri, mendidik dan membahagiakan ahli keluarganya dengan mentauhidkan Allah melalui Usrah Hakiki. Kemudian baginda berjaya mendidik dan membina rijal ummah (pewaris generasi) melalui Usrah Haraki. Yakinlah sepenuhnya bahawa hanya mengikut jalan atau landasan madrasah Rasulullah SAW sahaja yang akan menyelamatkan kita dan generasi pewaris hingga hari Kiamat. Landasan tarbiyah Rasulullah memiliki visi dan misi yang jelas merupakan mata rantai yang wajib kita semua warisi agar tidak terputus. Usaha ini perlu dimaksimakan secara profesional (Itqan).

Melatih rijal ummah memiliki kemampuan mengurus secara profesional, merupakan usaha strategik peningkatan (taraqqi) ke atas diri dan ummah seluruhnya. Strategi ini perlukan tertib dan ikut adab yang betul mencontohi cara Rasulullah Sallahu alaihi wassallam. Sentiasa patuh dalam semua urusan dengan slogan 'kami dengar dan taat' kepada pemimpin organisasi dan usrah haraki masing-masing selagi mereka adil dan tidak zalim. Itqan para kaunselor terserlah apabila sentiasa menjalani proses pengukuhan akidah tauhid atau keimanan menjadikan mereka individu yang taqwa, gigih bekerja untuk melaksanakan tugas suci ini. Tarbiyah Islamiyah merupakan hadiah paling indah kepada setiap hamba-Nya yang wajib kita syukuri. Bahkan segala ujian dan tribulasi juga

perlu dihargai kerana telah menyedarkan bahawa kita hanyalah hamba bertuhan dan ber majikan hanya kepada Allah SWT.

Pentingnya prinsip ini difahami agar pelaksanaan bimbingan dan kaunseling akan mengarah kepada kebenaran mengikut manhaj yang betul. Pendekatan acuan Allah () membimbing kita menjalankan terapi merujuk Al-Quran dan As-sunnah. Dan sudah pastinya, pelaksanaan Bimbingan dan Kaunseling Rabbani akan membawa kepada peningkatan iman, ibadah, akhlak mulia dan terus istiqomah berada di jalan yang diredhai Allah Subhanahu wa Taala.

Beginilah hakikatnya proses Kaunseling Rabbani mengundang keberkahan bahagia yang hakiki. Peranan kaunseling dalam menyuburkan qalbu, menstabilkan emosi serta menyihatkan mental dan fizikal manusia secara bersepadu adalah sebagaimana berikut:

- Akidah Tauhid merupakan benih dan akar tunjang yang tertancap dalam jiwa hingga mampu mencegah, merawat bahkan menyembuhkan segala penyakit jiwa yang terdapat dalam 'qalbu' manusia.
- Menyakini enam rukun Iman memberikan makanan jiwa kepada manusia dalam menghadapi sebarang ujian, tribulasi, cubaan dan mampu mengatasi sebarang kesulitan.
- Melaksanakan seikhlasnya lima rukun Islam dengan penuh cinta kepada Allah dan Rasul hingga terlahirnya insan Rabbani berakhlak terpuji sebagai rahmat kepada sekalian alam.

Sesungguhnya syurga dunia para kaunselor Rabbani berada di dalam 'qalbu' yang tenang, rasa selamat, rasa puas dan tenteram. Iman yang bertakhta dalam jiwa membekalkan keyakinan, harapan, pertolongan, perlindungan dan penjagaan-Nya melalui usrah hakiki yang perlu diprogramkan dalam setiap 'Baitul Muslim' hingga menjadi model 'Baitul Dakwah'. Dalam tempoh tertentu, peningkatan 'syuur' rasa cinta kepada Allah dan Rasul dan Deen Islam melayakkan ahli-ahli dalam usrah hakiki ini mengendalikan usrah haraki untuk menyelamatkan ribuan malah jutaan jiwa yang kelaparan makanan roh. Pergerakan usrah haraki tidak boleh dilaksanakan seorang diri, perlu ada team work, dilakukan secara kolektif atau berjemaah. Gabungan usrah haraki yang disebarluaskan hingga membuminya kaunseling Rabbani, InsyaAllah akan lahir kelak generasi Rabbani walaupun kita belum sempat melihatnya jika takdir ajal menjemput dan kita berada di alam Barzakh. Semoga Allah meredhai usaha kerdil ini. Aamiin

Rumusan

Melalui kaunseling Rabbani, proses membumikan usrah hakiki dan usrah haraki akan Allah permudahkan. Setiap ahli keluarga dan masyarakat kita dibimbing agar mengutamakan kehidupan akhirat dengan memanfaatkan segala peluang yang ada di dunia ini untuk beribadah seikhlasnya. Dunia adalah ladang akhirat, di sini kita berusaha beribadah agar tidak menyesal di akhirat nanti. Keredhaan Allah menjadi fokus utama dalam kehidupan kaunselor yang mengendalikan usrah hakiki dan usrah haraki. Pastikan matlamat 'غايتنا' (Allah Matlamat Kita) menjadi satu-satunya hala tuju dalam semua proses dan sesi kaunseling yang dilaksanakan melibatkan diri, keluarga dan ahli masyarakat. Setiap kita perlu membezakan antara matlamat hidup dengan keperluan hidup. Makanan, minuman, pendidikan, pakaian, rumah, kenderaan dan pelbagai kemewahan itu hanyalah keperluan hidup dan dijadikan alat untuk meraih keredhaan Allah. Segala keperluan itu dimanfaatkan mengikut acuan Allah jika mengharapkan akan redha-Nya. Demi menggapai redha Allah adalah berpegang teguh kepada dua sumber rujukan iaitu Al-Qur'an dan sunnah Rasulullah sallahu alaihi wassalam dan bermodelkan kepada tarbiyyah madrasah Rasulullah sallahu alaihi wassalam yang berjaya melahirkan Generasi Rabbani (Generasi Al-Qur'an yang Unik). Yakinlah bahawa sejarah mulia ini pasti akan berulang kembali dan para kaunselor Rabbani perlu berkolaborasi bersama para asatizah/ulama' dan umara'(pemimpin umat) mengajak mereka kembali mengikut setiap jejak

langkah baginda Rasulullah SAW dan para sahabat melalui Tarbiyah Islamiyah. Dahsyatnya Generasi Rabbani, walaupun mereka masih berada di tengah-tengah masyarakat yang mensyirikkan Allah (jahiliyah) namun jiwa mereka tetap merdeka mentauhidkan Allah SWT sehingga menemui syahid di jalan-Nya. Kemerdekaan seperti ini yang akan menyelamatkan kita di dunia, di alam barzakh dan alam akhirat kelak.

Referensi

- Amazing Al-Qur'an.2013. Karya Bestari, Malaysia.
- Abdullah Nasih 'Ulwan.1989. Islam dan Cinta. Pustaka Salam
- Abdul Kadir Al Jailani, 'Lautan Hikmah Kekasih Allah', Penerbit : Diva, Indonesia
- Ghazali (Imam). 1990. Bimbingan Mu'minin. Singapura, Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Norlida Md.Top. 2017.Kaunseling Rabbani. Smartop Global Services, Perlis Malaysia
- Sa'id Hawa. 2007. Tazkiyatun Nafs. Pena Pundi Aksara, Indonesia
- Solihin Abu Izzuddin. 2016. Back To Tarbiyah. Pro-U Media, Yogyakarta
- Tafsir Pimpinan Ar Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an, JAKIM, 2001.
- Manual Kaunseling Syar'ie, JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), 2013.Psikologi Islam, Penerbit UKM Bangi, 2016.
- You tube Ustaz Budi Ashari, Peggy Melati Sukma, Ustaz Adi Hidayat, Ustaz Mustafa Omar, Ustaz Abdul Somad, Ustaz Bakhtiar Nasir, Ustaz Hanan AtTakki dan Ustaz Omar Mita